



# MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

## KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang berdaftar di **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di dalam bidang kerja berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk mengambil bahagian dan menjalankan kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF SEBUTHARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<p><b>NO. SEBUTHARGA: MDKL/JL/SH: 14/2017</b></p> <p>CADANGAN PELAKSANAAN PADANG CERGAS DI PADANG PERMAINAN KANAK-KANAK JALAN 6, TAMAN JUGRA JAYA, BANTING, MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT.</p>	<p><b>SPKK</b></p> <p><b>Gred : G1</b></p> <p><b>Kategori : CE</b></p> <p><b>Pengkhususan : CE21</b></p>	<p><b>RM159.00</b></p> <p>(Harga Termasuk GST)</p> <p>**Tidak akan dikembalikan</p>	<p>Mulai :</p> <p><b>07.08.2017 (ISNIN)</b></p> <p><b>Jam : 12.00 Tengahari</b></p> <p><b>PENJUALAN SECARA ONLINE SAHAJA</b></p>	<p>Tarikh Tutup:</p> <p><b>14.08.2017 (ISNIN)</b></p> <p><b>Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari</b></p>
<p><b>NO. SEBUTHARGA: MDKL/JL/SH: 15/2017</b></p> <p>CADANGAN PELAKSANAAN PADANG CERGAS DI PADANG PERMAINAN KANAK-KANAK JALAN PELANGI 1, TAMAN PELANGI, TG. SEPAT, MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT.</p>	<p><i>Pembinaan Kejuruteraan Awam</i></p> <p><b>DAN</b></p> <p><b>UPEN</b></p> <p><i>Unit Perancang Ekonomi Negeri</i></p>		<p>Dokumen pelawaan boleh dimuatturun di laman sesawang <a href="https://tender.selangor.gov.my">https://tender.selangor.gov.my</a></p>	<p><b>Jabatan Khidmat Pengurusan</b></p> <p>Majlis Daerah Kuala Langat Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.</p>
<p><b>NO. SEBUTHARGA: MDKL/JL/SH: 16/2017</b></p> <p>CADANGAN MENYEDIAKAN TEMPAT MELETAK KENDERAAN UNTUK ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) DI DATARAN BANTING.</p>			<p>**SILA KEMASKINI MAKLUMAT SYARIKAT DALAM LAMAN WEB <a href="https://tender.selangor.gov.my">https://tender.selangor.gov.my</a> UNTUK MELANCARKAN PROSES PEMBELIAN DOKUMEN PELAWAAN.</p>	<p><b>**Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan</b></p>
<p><b>NO. SEBUTHARGA: MDKL/JL/SH: 17/2017</b></p> <p>CADANGAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN AKSESIBILITI UNTUK ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI PANTAI MORIB.</p>				

i) Setiap dokumen sebutharga dijual dengan harga **RM 150.00 + 6% GST (RM 159.00)** secara **ONLINE**. Pembayaran boleh dibuat secara kad kredit atau debit kad dan wang bayaran tidak akan dikembalikan.

ii) Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **31 JULAI 2017 (ISNIN)** di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan dipamerkan dan Unit Perolehan dan Aset, Majlis Daerah Kuala Langat, Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor.

iii) Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara **ONLINE** di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebutharga dan mengemaskini maklumat pendaftaran **PKK, CIDB** dan **UPEN**. Sekiranya gagal berbuat demikian adalah tidak layak untuk membeli Dokumen Sebutharga tersebut.

iv) Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan **WAJIB dibukukan / didokumentasikan**.

v) Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **PETI TENDER** seperti tertera di atas.

vi) Penghantaran Dokumen Sebutharga perlu disertakan bersama **RESIT PEMBAYARAN** sebagai bukti pembelian.

vii) Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

viii) Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Sebutharga di dalam Dokumen Sebutharga sebelum mengemukakan Dokumen Sebutharga. Jika Dokumen Sebutharga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.

ix) Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.

x) Tarikh tutup penjualan Dokumen sebutharga adalah pada **14 OGOS 2017 (ISNIN)**. Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **UNIT PEROLEHAN** di Talian **03-31872825** sambungan **118,119 dan 167**.